

SULIT

BAHAGIAN SATU

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Yang manakah antara berikut menerangkan tentang kepentingan menghormati amalan beribadat dan kepercayaan jiran?
 - A. Hidupbersatu padu dan harmoni
 - B. Mewujudkan suasana yang tidak selesa dengan jiran
 - C. Kepentingan diri diutamakan dan kepentingan jiran diabaikan
2. Kamu ternampak Mohan mengherdik anak jirannya, Kamit yang sedang melakukan pemujaan memuji Tuhannya. Apakah tindakan kamu?
 - A. Membiarkannya
 - B. Menegurnya dan menasihatnya
 - C. Menjauhkan diri daripadanya
3. Tidak saling menghormati amalan ibadat dan kepercayaan jiran mengakibatkan
 - A. wujud prasangka buruk terhadap jiran
 - B. lahir suasana harmoni
 - C. jiran menyayangi kita
4. Aliman, seorang jiran yang kurang upaya meminta kamu menemaninya pergi ke kedai runcit. Apakah yang patut dilakukan?
 - A. Memarahi dan mengejeknya
 - B. Segera menemaninya pergi ke kedai
 - C. Mencari pelbagai alasan untuk menolak ajakannya

SULIT

5. Antara yang berikut, yang manakah yang menunjukkan kamu seorang yang bertanggungjawab?
- A. Melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong
 - B. Tidak mengambil tahu hal ehwal keselamatan jiran
 - C. Tidak prihatin apabila jiran terlantar sakit di hospital
6. Pilih pernyataan yang betul mengenai amalan baik hati sesama jiran.
- A. Berlaku perselisihan faham
 - B. Mendorong kepada hubungan yang tidak harmoni
 - C. Memberi sokongan moral dan bantuan dengan ikhlas
7. Amalan saling bantu-membantu adalah amalan yang mulia kerana
- A. dapat meringankan aktiviti seharian
 - B. dapat mewujudkan sikap berlumba-lumba
 - C. dapat memupuk sikap prihatin sesama jiran
8. Kamu ternampak banyak tin-tin kosong di belakang rumah jiran yang menyebabkan nyamuk aedes membiak. Apakah tanggungjawab kamu sebagai jiran?
- A. Memarahi jiran
 - B. Buat tidak tahu
 - C. Menegur dan menasihati jiran
9. Pada pendapat kamu, apakah faedah melibatkan diri dalam aktiviti kejiwaan?
- A. Jiran berasa bangga dan menghargai sikap kamu
 - B. Jiran akan memberikan ganjaran yang besar
 - C. Jiran memandang serong terhadap kamu

SULIT

10. Amalan pergi ke geraja dan membaca kitab Bible merupakan amalan ibadat jiran yang beragama
- A. Islam
 - B. Buddha
 - C. Kristian
11. Jiran saya, Salwa sedang berpuasa hari ini. Saya patut
- A. makan dan minum di hadapannya
 - B. tidak makan dan minum di hadapannya
 - C. memperlekehkan amalan ibadat dan kepercayaan
12. Sikap saling hormat-menghormati merupakan amalan yang
- A. tidak perlu dipraktikan
 - B. menyusahkan
 - C. terpuji dan mulia
13. Pricilla berpakaian mengikut kesesuaian majlis. Dia juga tidak berpakaian seksi. Pricilla mengamalkan nilai
- A. kesederhanaan
 - B. baik hati
 - C. kerajinan
14. Guru akan berasa apabila murid mengamalkan sikap berterima kasih.
- A. sedih
 - B. kecewa
 - C. bangga

SULIT

15. Shashwini beratur semasa membeli makanan di kantin. Dia mengamalkan nilai.....
- A. cintakan negara
 - B. patuh pada peraturan dan undang-undang
 - C. berterima kasih
16. Kita tidak digalakkan memakai pakaian yang berwarna hitam semasa mengunjungi rumah rakan yang berbangsa pada Tahun Baru Cina.
- A. Cina
 - B. India
 - C. Melayu
17. Individu yang mengamalkan nilai akan mematuhi ajaran agamanya.
- A. kebersihan fizikal dan mental
 - B. hemah tinggi
 - C. kepercayaan kepada Tuhan
18. Jimmy dituduh mencuri. Dia berani menegakkan kebenaran bahawa dia tidak mencuri. Jimmy mengamalkan nilai.....
- A. harga diri
 - B. kasih sayang
 - C. kesederhanaan
19. Berikut ialah cara menghargai sumbangan orang lain, **kecuali**.....
- A. mengucapkan terima kasih
 - B. meminta jiran membalas jasa kita
 - C. memberikan kad ucapan tanda penghargaan

SULIT

20. Semua yang berikut merupakan amalan yang mulia, **kecuali**.....

- A. bertanya khabar
- B. menghormati orang tua
- C. membaling batu ke arah anjing

(20 markah)

BAHAGIAN DUA

Jawab semua soalan.

B. Garis jawapan yang betul.

1. Seseorang yang melakukan kejahatan akan dibalas dengan (pahala / dosa).
2. Jika kita melakukan kesilapan dengan orang lain, kita boleh (meminta / menolak) maaf.
3. Setiap orang perlu bercakap dengan bahasa yang (kasar / sopan) agar tidak menyinggung perasaan orang lain.
4. Pelbagai cara seseorang menunjukkan tanda (kesyukuran / keseronokan) kepada Tuhan.
5. Perbuatan yang baik akan mendapat ganjaran (pahala / dosa)

SULIT

Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan yang diberikan.

Maafkan

terima kasih

Silalah makan

Selamat jalan

Tolong

Bolehkah

Maafkan saya

6. " _____ saya kerana terpaksa pulang lebih awal," kata Veronica kepada rakannya, Connie.
7. " _____ saya masuk?" Kata Alfred kepada Chars.
8. Mary Ruby mengucapkan _____ kepada Mak Cik Asiah kerana memberikannya hadiah baju baharu.
9. " _____ ambilkan buku yang tebal itu untuk saya," minta Cikgu Chelereensia.
10. " _____," Nadia menjemput rakan-rakannya untuk makan.

(10 markah)

SULIT

C. Padankan ayat di bawah supaya menjadi ayat yang lengkap.

- | | |
|---|---|
| 1. Belajarlah bersungguh-sungguh | (a) tugas yang diberi. |
| 2. Kita perlu melaksanakan tugas | (b) jika ingin berjaya. |
| 3. Sebagai pelajar, kita perlu tabah melaksanakan | (c) yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab. |
| 4. Kita mesti mempunyai semangat | (d) diri yang kental. |
| 5. Apabila selesai makan kita perlu | (e) mencuci pinggan dan mangkuk yang telah digunakan. |

Lengkapkan ayat di bawah dengan maklumat yang diberi.

- Sebelum ke sekolah
- Perlu melakukan aktiviti riadah
- Menjamin kesihatan kita
- Otak yang cerdas
- Menjadi penat dan sukar untuk menumpukan perhatian
- Yang seimbang agar sentiasa sihat

6. Nazarius akan bersarapan _____
7. Setiap orang perlu mengambil makanan _____
8. Badan yang sihat memerlukan makanan yang seimbang di samping kita

9. Badan yang sihat menjamin _____
10. Tidur yang cukup _____

(10 markah)

SULIT

D. Tandakan (\checkmark) pada perbuatan yang jujur dan (X) pada perbuatan yang tidak jujur.

1. Menyampaikan pesanan yang diamanahkan dengan betul. ()
2. Menolong orang tanpa mengharapkan balasan. ()
3. Tidak malu mengakui akan kesilapan sendiri. ()
4. Mencari pelbagai alasan untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab yang diamanahkan. ()
5. Memulangkan barang bukan milik kita kepada pemilik asalnya ()
6. Mencari peluang untuk tidak melakukan sesuatu tugas diberikan. ()
7. Richei meminjam basikal Cinnie untuk berlumba. ()
8. Maymill berpura-pura sakit agar dapat pulang awal dari sekolah. ()
9. Mevelyn tidak mahu membayar hutangnya kepada Auldreena. ()
10. Cikgu Jason mengajar tuisyen kepada anak-anak murid secara percuma.()

(10 markah)

.....Kertas soalan tamat.....